

Pilih kerajaan berkredibiliti – TPM

Utusan Online

15 Jun, 2012

KUALA LUMPUR 14 Jun - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, rakyat perlu menilai dengan bijaksana kemampuan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah terbukti kredibiliti, berpengalaman dan banyak menabur bakti kepada negara.

Sehubungan itu, jelas beliau, rakyat perlu memberi mandat kepada kerajaan BN untuk memastikan masa depan negara terus terjamin dan kehidupan masyarakat terpelihara dengan baik.

"Rakyat harus membuat penilaian dengan bijaksana kerana dalam tempoh lapan tahun akan datang, kita akan mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.

"Tempoh lapan tahun ini amat mencabar dan sudah tentu kita tidak hendak merosakkan jadual dan perancangan supaya masa depan lebih terjamin," katanya ketika berucap pada program lawatan kerja ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Muhibbah, di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Pada majlis tersebut, Muhyiddin juga merasmikan Klinik 1Malaysia di PPR Muhibbah di samping mengumumkan peruntukan RM1.6 juta bagi pembinaan dewan serbaguna dan surau di kawasan berkenaan.

Sementara itu, pada majlis berasingan ketika bertemu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Bandar Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan para pengundi supaya menilai dengan teliti segala program pembangunan yang berjaya dilaksanakan kerajaan berbanding janji manis pembangkang.

Menurut beliau, ini kerana segala janji dan usaha yang dilaksanakan kerajaan bersifat realistik dan bukannya populis seperti yang sering dilaungkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut beliau, kebanyakan janji pembangkang dilihat tidak munasabah serta tidak mengambil kira kedudukan masa depan Malaysia, hanya kerana mereka berhasrat mengambil alih kepimpinan negara.

"Anwar kata mahu menghapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Nasional (PTPTN). Adakah anda menyokong perkara itu? Dengan kata lain, dia mahu memberi segala-galanya percuma.

"Dari mana datangnya RM43 bilion itu (jumlah pinjaman dikeluarkan PTPTN)? Adakah dia (Anwar) mempunyai tongkat sakti? Adakah duit itu turun dari langit?" katanya.

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0615&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.
htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0615&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm)